

18/11/2004

Ikon UKM lantik enam felo untuk penyelidikan

INSTITUT Kajian Oksidental (Ikon), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan melantik enam felo bagi memulakan penyelidikan enam aspek utama, iaitu budaya dan bahasa Belanda, Sepanyol, Perancis, Jerman, Russia dan Portugis.

Pengarahnya, Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, berkata empat felo dipinjam dari fakulti lain di UKM, iaitu pemegang ijazah doktor falsafah (PhD) dalam subbidang berkaitan bangsa Belanda, Perancis, Jerman dan Portugis.

Beliau berkata, dua lagi felo, iaitu bagi subbidang berkaitan Sepanyol dan Russia dilantik daripada institusi luar negara.

(Oksidental ialah penyelidikan mengenai pemikiran, nilai, budaya dan bahasa Barat atau bangsa Eropah secara objektif dan kritis).

"Ikon juga melantik felo kehormat, iaitu Prof Dr Hassan Hanafi dari Cairo University yang terkenal dengan bukunya, The Introduction to the Science of Occidentalism.

"Dengan pelantikan semua felo ini, Ikon akan memulakan penyelidikan termasuk mengambil pelajar pasca siswazah untuk mengkaji pelbagai aspek mengenai bangsa Eropah termasuk di luar benua Eropah seperti New Zealand dan Australia.

"Penyelidikan ini memerlukan dana besar kerana penyelidik perlu mengunjungi wilayah Oksidental yang mempunyai tukaran wang yang tinggi," katanya ketika ditemui di UKM Kampus Bangi, Selangor.

Ikon ditubuhkan Oktober 2003 selepas cetusan Tun Dr Mahathir Mohamad agar cendekiawan tempatan mengkaji bangsa Eropah.

Dr Shamsul yang juga Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) UKM, berkata Ikon akan mula menganjurkan siri wacana bulanan dari beberapa wilayah oksiden pada akhir 2005, iaitu ketika musim sejuk di negara Eropah.

Sepanjang setahun penubuhannya, antara lain beliau berkata, Ikon menganjurkan seminar mengenai hala tuju Ikon, pembabitan wanita dalam laga lembu di Sepanyol, pengertian dan hala tuju oksidentalisme.

Pada Oktober tahun lalu, Ikon mendapat liputan daripada BBC London, iaitu program World Today.

(END)